

## HUKUM JUAL BELI SECARA TERBUKA YANG MENYALAHI PERINTAH PKP

1) Pada asasnya pekerjaan bermula adalah kerja yang baik dan terpuji. Rasulullah SAW. sendiri pernah menjalankan perniagaan iaitu memperdagangkan barang milik Saidatina Khadijah binti Khuwailid. Baginda berdagang sehingga ke Syam. Pekerjaan ini baginda lakukan sebelum berkahwin dengan Saidatina Khadijah. Kelebihan menceburि bidang perniagaan disebut dalam beberapa hadis Nabi SAW. Contohnya:

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ :  
الْتَّاجِرُ الصَّدُوقُ الْأَمِينُ مَعَ النَّبِيِّنَ، وَالصَّدِيقِينَ، وَالشَّهَدَاءِ.

Maksudnya: “Dari Abu Sa'id al-Khudri radhiyallahu anhu, bahawa Nabi SAW bersabda: Seorang peniaga yang benar dan amanah akan dibangkitkan bersama para Nabi, siddiqin dan para syuhada’.”

(Sunan at-Tirmidzi, hadis no.1209)

2) Perniagaan adalah sumber utama rezeki. Perniagaan menjadi teras utama ekonomi sesebuah masyarakat dan Negara. Oleh itu sumbangan bidang perniagaan kepada kemantapan agama, Negara dan kehidupan amatlah besar.

عَنْ نُعْيْمِ بْنِ عَبْدِ الرَّحْمَنِ قَالَ: بَلَغَنِي أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :  
تِسْعَةُ أَعْشَارِ الرِّزْقِ فِي التِّجَارَةِ.

Maksudnya: “Dari Nu'aim bin Abdurrahman bahawa Nabi SAW bersabda: 9/10 daripada rezeki itu bersumber dari perniagaan”.

(Al-Jami' as-Soghir, Imam As-Suyuthi, hadis no.3281)

3) Di samping galakan menceburি bidang perniagaan, al Quran dan hadis Nabi SAW juga mengingatkan umat Islam agar tidak dilalaikan oleh perniagaan dari mengingati Allah. Mereka juga diingatkan agar tidak melakukan penipuan, pengkhianatan, penindasan, terlibat dengan unsur riba, berjual beli perkara yang haram dan sebagainya . Peniaga yang terlibat dengan larangan tersebut akan dikenakan balasan yang amat pedih di akhirat kelak. Contohnya:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :  
وَمَنْ غَشَنَا ، فَلَئِنْ مِنَّا ...

Maksudnya: “Dari Abu Hurairah radhiyallahu anhu bahawa Nabi SAW bersabda: ...dan sesiapa yang menipu kita, maka dia bukan dari kalangan kita”.

(Sahih Musim, hadis no.101)

4) Menjadi kewajipan kepada setiap Muslim mentaati arahan pemerintah yang sah, selagi pemerintah tidak menyuruh melakukan maksiat kepada Allah. Al-Quran menjelaskan kewajipan mentaati Allah, Rasul dan Ulil Amri. Allah berfirman dalam surah an-Nisa' ayat 59:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَانُكُمْ أَطِيعُ اللَّهَ وَأَطِيعُ الرَّسُولَ وَأَفْلَى الْأَمْرِ مِنْ كُمْ

Maksudnya: "Wahai orang yang beriman, taatilah Allah, taatilah Rasul dan ulil amri dari kalangan kamu".

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ :  
السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ، مَا لَمْ يُؤْمِنْ بِمَعْصِيَةِ،  
فَإِذَا أُمِرَّ بِمَعْصِيَةِ، فَلَا سَمْعٌ وَلَا طَاعَةٌ

Maksudnya: "Dari Abdullah bin Umar radhiallahu anhuma bahwa Nabi SAW bersabda: Mendengar dan taat adalah wajib kepada setiap Muslim, baik perkara ia suka atau ia benci selagi tidak disuruh melakukan maksiat. Jika ia disuruh melakukan maksiat, maka tidaklah wajib ia mendengar dan mentaatinya".

(Sahih al-Bukhari, hadis no.7144)

5) Peniaga yang menjalankan perniagaan secara terbuka semasa PKP ini bererti ia telah melanggar perintah larangan bermiaga yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa yang bertindak mewakili ulil amri. Perbuatan tersebut adalah HARAM dan berdosa meskipun pada asalnya bermiaga hukumnya harus. Larangan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa adalah bertujuan menolak kemudaratan dengan mengekang penularan COVID-19 dengan kawalan pergerakan terhad. Tindakan pihak berkuasa adalah selaras dengan kaedah fiqh:

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

Maksudnya: "Tindakan pemerintah terhadap rakyat adalah terikat dengan maslahah".

Peniaga ingin mendapat keuntungan melalui perniagaan tersebut, sedangkan perbuatannya itu jika tidak dihalang akan membawa kemudaratan besar. Kemudaratannya ialah menularkan COVID-19. Prinsip umum fiqh menyebut:

دفع الضرر أولى من جلب المنفعة

Maksudnya: "Menolak kemudaratan adalah diutamakan daripada mengambil manfaat".

Tindakan pemerintah melarang menjalankan perniagaan tertentu sewaktu penularan COVID-19 adalah betul dan selaras dengan prinsip Syarak. Oleh itu peniaga yang melanggar larangan tersebut adalah haram dan berdosa.

6) Meskipun perbuatan jual beli itu haram, namun status hukum transaksi tersebut adalah sah selagi memenuhi semua rukun dan syarat jual beli. Sekiranya rukun atau syaratnya tidak dipenuhi, maka jual beli itu dikira tidak sah. contohnya jual beli arak atau bangkai, atau berunsur riba'. Hukum haram tetapi sah berjual beli sewaktu perintah larangan PKP ini adalah berdasarkan hukum QIYAS. Hukum ini diqiyaskan kepada hukum haram menjalankan perniagaan selepas azan kedua pada hari Jumaat sehingga selesai solat Jumaat. Hukum asal tersebut berlandaskan firman Allah:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نُودِي لِالصَّلَاةِ فَلَا سَعَوْا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا أَبْيَعَ ذِلِّكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٩﴾

Maksudnya: "Wahai orang yang beriman, apabila kamu diseru untuk menunaikan solat pada hari Jumaat maka bersegeralah kepada mengingati Allah dan tinggallah berjualbeli. Itu adalah lebih baik bagi kamu jika kamu mengetahui."

Imam Ibnu Arabi sewaktu mentafsirkan ayat tersebut, menyatakan bahawa ulama ijmak dan tidak ada khilaf mengenai status haram berjual beli ketika itu. Beliau juga menyebut bahawa antara ulama yang menyatakan urusniaga itu perlu dibubarkan ialah: Imam Abu Hanifah, Namun demikian beliau menyatakan: Imam Syafi'ie berpendapat jual beli itu tetap sah dan tidak perlu di bubarkan.

7) Sebagai kesimpulan melanggar perintah larangan berjual beli barang tertentu sewaktu PKP hukumnya adalah haram dan berdosa meskipun jualbeli itu sah berdasarkan rukun dan syarat yang sempurna. Oleh itu marilah kita mematuhi semua arahan pihak berkuasa agar urusniaga kita diberkati dan kita dihindarkan dari wabak ini.

Disediakan oleh :

Jabatan Mufti Negeri Perak